

Juara debat ekonomi antara universiti

# Piala Ibnu Khaldun milik USIM

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**

utusanN9@utusan

■ **SEREMBAN 14 APRIL**

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) terus mencipta nama dalam arena perdebatan antara universiti sekali gus mengekalkan reputasi apabila muncul johan kejohanan debat ekonomi Piala Ibnu Khaldun, semalam.

Pendebat USIM yang diwakili Ikmal Jamaluddin, 19; Siti Suhaila Sharudin, 21; Ahmad Farouq Ahmad Fuad, 19 dan Wan Nur Afifah Wan Nafi, 19 bertemu dengan lawan daripada Universiti Sultan

Zainal Abidin (UniSZA) yang dibarisi Raja Mamat Raja Ibrahim, 20; Nor Fatin Syahirah Zulkapli, 20; Muhd Ammar Rafiq Ruslan, 20 dan Hapsah Mohd Saleh, 19.

Pertandingan akhir yang diadakan Dewan Kuliah Pusat 3 USIM membahaskan usul 'KWSP: Kera Di Hutan Disuskan' dengan UniSZA bertindak sebagai kerajaan dan USIM sebagai pembangkang.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Pusat Komunikasi Strategik USIM, johan membawa pulang Piala Pusingan Ibnu Khaldun, wang tunai RM2,000, piala iringan dan sijil penghargaan manakala

UniSZA selaku naib johan menerima wang tunai RM1,000, piala dan sijil penghargaan.

"Muhd. Ammar pula dinobatkan Pendebat Terbaik Akhir dan membawa pulang wang tunai RM500 serta pasukan debat USIM juga diumumkan sebagai pasukan terbaik keseluruhan liga," kata kenyataan itu.

Debat Ekonomi Piala Ibnu Khaldun disertai 32 orang pendebat dari pelbagai universiti awam antaranya Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia (UM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun.



DARI kiri, Wan Nur Afifah Wan Nafi, Ahmad Farouq Ahmad Fuad, Ikmal Jamaluddin dan Siti Suhaila Sharudin selepas diumumkan sebagai Pasukan Terbaik kejohanan debat ekonomi Piala Ibnu Khaldun di USIM, Negeri Sembilan, kelmarin.